

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan status pembinaan klinik kesihatan di Kampung Semop di Pulau Bruit, Tanjung Manis yang sepatutnya ditender semula pada bulan Ogos 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk di negeri Sarawak.

2. **Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) Dengan Kwarters Semop telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2014.** Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR Sarawak) dan telah memasuki fasa penilaian tender. **Projek ini telah ditender semula pada 12 September 2020 dengan tarikh tutup tender pada 5 Oktober 2020. Surat Setuju Terima (SST) pula dijangka dikeluarkan pada Februari 2021. Jangkaan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 24 bulan.** Berdasarkan perancangan semasa, **projek dijangka siap pada tahun 2023** dan projek ini menggunakan rekabentuk *Pre-Approved Plan* (PAP) JKR Malaysia.

3. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek-projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.